

## Potensi batu kapur Formasi Kodiang dan Formasi Gua Musang sebagai batu dimensi

SAMSULBAHRIN BIN SAIM

Jabatan Geologi, Fakulti Sains Fisis dan Gunaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Batu kapur merupakan batu dimensi kedua terkenal selepas granit. Penggunaannya di Malaysia kini semakin berkembang. Oleh itu kajian terperinci perlu dilakukan terhadap simpanan batu kapur di negara ini untuk industri batu dimensi. Kajian terhadap batuan ini lebih ditekankan kepada sifat fizikal dan mekanikalnya. Kecantikan, kekerasan, ketahanan dan analisis ketakselajaran batuan merupakan maklumat-maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini. Setakat ini ujian untuk menentukan nilai mampatan sepaksi, kekerasan Shore, modulus keelastikan, indeks kekuatan tensi, indeks beban titik, porositi, peratus resapan air dan ketumpatan batuan telah dilakukan. Kajian awal menunjukkan batu kapur Formasi Kodiang mempunyai kepelbagaian warna dan tekstur. Ia terdiri daripada sekurang-kurangnya 10 litofasies yang sebahagiannya belum terhablur semula. Batu kapur Formasi Gua Musang kebanyakannya mempunyai warna kelabu cerah hingga gelap yang biasanya terhablur semula. Kedua-dua formasi ini mempunyai ketebalan lapisan daripada nipis hingga tebal dan masif. Analisis ketakselajaran menunjukkan purata jarak ketakselajaran di Formasi Kodiang lebih rapat sehingga boleh mencapai kurang daripada 0.1 meter terutama di lapisan nipis manakala

*Warta Geologi, Vol. 20, No. 6, Nov-Dec 1994*

di Formasi Gua Musang purata jarak ketakselanjaraannya melebihi 0.4 meter. Petanda mutu batuan sepanjang garis imbasan batu kapur Formasi Kodiang juga menunjukkan nilai yang lebih rendah jika dibandingkan dengan Formasi Gua Musang. Kedua-dua batu kapur mempunyai ketumpatan yang tinggi iaitu antara 2.6 hingga 2.8 g/cm<sup>3</sup>. Peratus resapan air pula kurang daripada 0.5%. Sifat mekanikal batu kapur terutamanya nilai kekuatan mampatan sepaksi menunjukkan bacaan yang melebihi 55 MPa manakala nilai kekerasan Shore adalah sekitar 60Sh iaitu bersesuaian dengan piawai yang dipilih.

---